

Peranan Kaum Muda dan Majalah Pengasuh dalam Memartabatkan Institusi Pendidikan di Kelantan 1918-1941

The Role of *Kaum Muda* and *Pengasuh* Magazines in Uplifting
Educational Institutions in Kelantan 1918-1941

MOHAMAD FIRDAUS MOHAMMAD, ENGU AHMAD ZAKI ENGU ALWI, RUHAIZAN SULAIMAN

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai peranan Kaum Muda dan majalah Pengasuh dalam memartabatkan institusi pendidikan di Kelantan 1918-1941. Fokus utama adalah terhadap peranan Kaum Muda dan majalah Pengasuh kepada masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Kebijaksanaan dan intelektual yang dipamerkan oleh Kaum Muda juga menjadi asbab kepada pembangunan pendidikan di negeri Kelantan pada awal abad ke-20. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan dan analisis data daripada sumber primer yang diperoleh daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) seperti majalah Pengasuh. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal dan buku bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Data yang diperoleh dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kajian yang dilakukan. Pengkaji menggunakan kaedah pendekatan sejarah dengan menggunakan kaedah tema supaya kajian lebih tersusun dan berbentuk analitikal. Hasil kajian mendapati bahawa Kaum Muda dan majalah Pengasuh berjaya mengasimilasikan kelebihannya sebagai medium utama dalam menyampaikan propaganda mengenai pendidikan kepada masyarakat Melayu Kelantan dengan mengutamakan kepentingan terhadap menuntut ilmu agama dan pendidikan serta emansipasi wanita. Dalam masa yang sama, Kaum Muda juga berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu di Kelantan melalui majalah Pengasuh sebagai salah satu medium utama dalam memartabatkan institusi pendidikan.

Kata kunci: Kaum Muda; Majalah Pengasuh; Institusi Pendidikan; Kelantan

ABSTRACT

This article discusses the role of the Kaum Muda and Pengasuh magazine in uplifting educational institutions in Kelantan from 1918 to 1941. The main focus is on the role of Kaum Muda and Pengasuh magazine in the Malay community in the state of Kelantan. The wisdom and intellectualism displayed by Kaum Muda also became the reason for the development of education in the state of Kelantan at the beginning of the 20th century. This study uses a qualitative method that includes the collection and analysis of data from primary sources obtained from the Islamic Religious and Customs Council of the State of Kelantan (MAIK), such as the Pengasuh magazine. In addition, secondary sources are also used, such as journals and books, to further strengthen the research conducted. The data obtained will be analysed to obtain real information about the research conducted. The researcher will use the historical approach method by using the theme method so that the study is more structured and analytical. The results of the study found that Kaum Muda and the Pengasuh magazine succeeded in assimilating their advantages as the main medium for conveying propaganda about education to the Kelantan Malay community by prioritising the importance of seeking religious knowledge and education and the emancipation of women. At the same time, Kaum Muda also succeeded in bringing awareness to the Malay community in Kelantan through the Pengasuh magazine, one of the main mediums for promoting institutions of higher education.

Keywords: Kaum Muda; Pengasuh magazines; Educational Institutions; Kelantan

PENGENALAN

Kaum Muda telah membuka satu jalan selamat bagi masyarakat Melayu dengan melakukan

pembaharuan terhadap pendidikan di Kelantan. Jalan selamat ini diyakini oleh mereka pada hal-hal dalam menyampaikan propaganda awal berkenaan pendidikan untuk masa depan yang lebih baik.

Pendidikan adalah satu elemen baharu bagi Kaum Muda terhadap masyarakat Melayu di Kelantan. Identiti dan wawasan yang dipamerkan oleh Kaum Muda jelas menunjukkan bahawa pendidikan bukanlah suatu pekerjaan yang merugikan buat jangka masa yang panjang untuk diperjuangkan. Namun gerakan pembaharuan pendidikan adalah satu penghormatan besar bagi Kaum Muda kepada masyarakat Melayu Kelantan yang akan menjadi penanda aras bagi kemajuan bangsa Melayu. Oleh yang demikian, Kaum Muda mengambil inisiatif dengan menggunakan majalah *Pengasuh* yang melibatkan edisi penerbitan antara tahun 1918 hingga 1941 sebagai persediaan asas kepada masyarakat Melayu untuk lebih memurnikan kefahaman pendidikan dan agama Islam mengenai tuntutan kemajuan yang mendatang (Muhamad Yusuf Kenali 1918).

Pembaharuan pendidikan ini adalah dasar yang pertama bagi Kaum Muda dalam membentuk satu doktrin pemikiran mengenai pembaharuan dan usaha ini dengan melibatkan sebuah pusat pengajian pertama yang bersifat Islamis dan moden yang mula ditubuhkan pada 1917. Idea yang cuba diketengahkan oleh Kaum Muda ini adalah untuk memurnikan kembali pendekatan yang disyariatkan oleh Islam mengikut kesesuaian masyarakat Melayu di negeri Kelantan (Muhamad Yusuf Kenali 1918) pada ketika itu. Apakah tujuan utama murid-murid ke sekolah, hal ini akan dapat dinilai sendiri oleh anak-anak Melayu Kelantan tentang tujuan utama mereka ingin mendapatkan pelajaran awal di sekolah.

LATAR BELAKANG MAJALAH PENGASUH

Majalah *Pengasuh* telah diterbitkan pada tanggal 11 Julai 1918 bersamaan 1 Syawal 1336 Hijrah. Keistimewaan tarikh yang dipilih ini sesuai dengan pendekatan yang ingin diketengahkan oleh pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan (MAIK) dan Kaum Muda. Perkara pertama yang ingin diketengahkan oleh Muhamad bin Ismail selaku Naib Yang Dipertua Majlis Kehormat ini telah menitahkan kepada masyarakat Melayu di Kelantan mengenai keberadaan majalah *Pengasuh* ini seperti demikian.

“sepatah kata orang tua-tua “menantikan padi berjagunglah dahulu”

(Muhamad bin Ismail 1918)

Secara jelas, melalui kenyataan yang dinyatakan oleh Muhamad bin Ismail ini telah menunjukkan tujuan utama mereka menubuhkan majalah *Pengasuh* yang bertujuan menjadikan majalah ini sebagai salah satu medium terbaik dalam menimba ilmu pengetahuan dan belajar daripada apa yang telah disediakan oleh pihak kerajaan negeri dan kerajaan British. Perkara ini adalah bersesuaian dengan tarikh penerbitannya iaitu pada 1 Syawal 1336 Hijrah, kerana pada tarikh ini dilihat adalah hari kemerdekaan bagi umat Islam yang berjaya menunaikan rukun Islam dan berjaya mentaati segala arahan-Nya. Pada kesempatan inilah, Muhamad bin Ismail mengambil analogi dan pendekatan yang lebih bersifat terbuka dan sesuai dengan keadaan masyarakat Melayu Kelantan pada ketika itu.

Keterujaan, ketaksuban masyarakat Melayu dalam menyambut hari kemenangan ini, diselitkan juga risalah yang akan merubah iktikad mereka dengan kebiasaan pekerjaan yang telah dilakukan. Oleh sebab inilah, Muhamad bin Ismail lebih memberikan pendekatan yang terbuka pada perkara pertamanya sebagai kader yang inginkan kepada perubahan. Kedangkalan masyarakat Melayu inilah yang dilihat sebagai penanda bahawa perlunya keberadaan propaganda baharu yang khusus untuk masyarakat Melayu.

Muhamad bin Ismail telah menetapkan cita-cita awal sebagai seorang mukalaf dan rakyat negeri Kelantan yang merupakan seorang pemula. Dalam mengerakkan pembaharuan pendidikan ini harus dimulakan dengan mengedarkan propaganda kepada seluruh masyarakat Melayu Kelantan. Gerakan ini penting bagi menjamin penerimaan pembaca khususnya masyarakat Melayu di Kelantan. Keberadaan identiti majalah *Pengasuh* ini adalah bertujuan bagi menyebarkan hegemoni mengenai doktrin pembaharuan pendidikan yang bersifat umum. Bagi Muhamad bin Ismail, dalam mengerakkan kesedaran sosial mengenai pendidikan mestilah disertakan dengan pembujukan supaya pesanan yang ingin disampaikan berjaya diterima secara sepenuhnya oleh masyarakat Melayu. Oleh kerana pada dekad 1900-an, majalah masih lagi baharu (Mohd. Safar Hashim 2012) maka wajarlah Muhamad bin Ismail menjelaskan dahulu supaya mereka yang dangkal pada pengetahuan dapat memahami dan meneliti pada setiap perkara yang ingin disampaikan oleh majalah *Pengasuh*.

Dalam masa yang sama, Muhamad bin Ismail adalah seorang yang bijaksana dan mempunyai pemikiran yang terbuka dalam mengenal pasti kelebihan dan kelemahan yang terdapat pada masyarakat Melayu pada ketika itu. Ungkapan peribahasa yang dinukilkan oleh Muhamad bin Ismail iaitu “menanti padi masak berjagunglah dahulu” bermaksud sementara menunggu benda baik, lakukanlah juga benda berfaedah. Peribahasa ini sesuai digunakan pada ketika itu, kerana pada hemat Muhamad bin Ismail walaupun telah sedia ada kefahaman mengenai perkara asas dalam kehidupan maka harus disertakan juga dengan penghayatan terhadap ilmu pengetahuan. Penekanan ini adalah bagi menjamin kepada kemajuan masyarakat Melayu. Makna dalam “*Pengasuh*” juga adalah bererti mendidik, menjaga dan membimbing, oleh kerana inilah pada kesesuaian majalah *Pengasuh* dan pada hemat Muhamad Ismail adalah selari dengan tujuannya. Identiti dan iktikad untuk mendidik, membimbing sudah didoktrinkan pada nama majalah. Maka inilah yang menjadi kelebihan bagi majalah *Pengasuh* yang mendukung falsafah *humanisme* untuk disebarluaskan kepada masyarakat Melayu.

Kebijaksanaan Muhamad bin Ismail ini diakui dalam bentuk penulisannya yang mampu membujuk pemikiran masyarakat Melayu terhadap idea yang telah didoktrinkan secara bersama oleh Kaum Muda. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Kaum Muda juga menggunakan falsafah *humanisme* sebagai jalan selamat kerana masyarakat Melayu masih lagi kuat dan percaya terhadap pemahaman *fatalisme* sepertimana yang didakwa oleh Frank Swettenham (Swettenham 2016). Tok Kenali pada hematnya juga berpandangan bahawa pentingnya pembangunan insaniah dan agama Islam di negeri Kelantan disebabkan sistem pentadbiran yang tidak seragam dan sistematik dalam mengurus dan mengklasifikasikan undang-undang sama ada dalam bentuk kemanusiaan dan yang menurut kehendak agama Islam itu sendiri. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berfungsi sebagai penggerak kepada pembangunan bagi agama Islam dan pembangunan kumanusian kepada rakyat. Tok Kenali terkenal dengan ilmu pengetahuannya yang tinggi dan akal fikiran yang cerdas dan bijaksana dalam membuat cadangan atau menyelesaikan masalah yang timbul. Beliau mengambil tindakan atas dasar ingin membela agama dan berjihad selama mana yang dituntut

oleh agama untuk membangunkan agama Islam seperti mana yang disyarakkan oleh agama Islam (Muhamad Yusuf Kenali 1918).

Muhamad bin Ismail bersama pengasas bersama majalah *Pengasuh* seperti Tok Kenali berpandangan bahawa majalah *Pengasuh* ini mampu memberikan satu perubahan terhadap pemahaman walaupun gerakan ini dilakukan secara progresif namun mereka mengharapkan perjalanan majalah *Pengasuh* tidak akan sama seperti majalah *al-Imam* (Abdul Aziz Mat Ton 2001) dan *Saudara* (Siti Rodziyah Nyan 2009) yang rata-ratanya kehilangan modal dan idea dalam membentuk kesepadan yang kukuh untuk merubah naratif Melayu terhadap pendidikan yang terdapat di Tanah Melayu khususnya di negeri Kelantan.

CADANGAN KAUM MUDA DAN MAJALAH PENGASUH TERHADAP PENDIDIKAN DI KELANTAN

Maka setiap anak Kelantan mempunyai cita-cita yang besar untuk menabur bakti kepada tanah airnya sendiri. Tidak dinafikan bahawa anak-anak Kelantan sudah mengenal kepada kehendak kemajuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan walaupun Kelantan masih muda dengan segalanya. Pendidikan menjadi alat perhubungan utama masyarakat Kelantan dengan dunia luar. Kaum Muda memanfaatkan ideanya untuk digunakan secara sepenuhnya dalam mengembangkan pendidikan di Kelantan. Anak-anak Kelantan menjadi perhatian utama Kaum Muda apabila Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) menubuhkan sebuah institusi pendidikan yang dikenali dengan nama Maahad Muhammadiyah al-Kelantaniah yang pertama pada tahun 1917.

Situasi ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu di negeri Kelantan sudah mula untuk menerima perubahan bagi masa hadapan anak-anak mereka menerusi pendidikan. Pendidikan adalah satu aset penting yang menjadi penanda aras bagi anak-anak negeri di Kelantan terutama bagi kanak-kanak di usia muda. Hal ini kerana pendidikan pada ketika itu bukanlah suatu benda mustahil untuk diperoleh oleh golongan rakyat biasa, namun konsep pendidikan yang diperkenalkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan (MAIK) lebih terbuka sifatnya dengan melibatkan hampir kesemua masyarakat Melayu Kelantan.

Hasrat ini disuarakan bagi menjayakan perjuangan Kaum Muda dalam pembaharuan pendidikan di Kelantan, dengan penglibatan golongan pembesar dan ulama dilihat sebagai satu kolaborasi penting dalam aspek sosialisme. Sekiranya penerapan sosialisme yang sama rata diamalkan dalam kalangan pemerintah maka masyarakat akan dapat menilai secara menyeluruh mengenai apa tindakan seterusnya yang patut diberikan kembali atas usaha yang telah dilakukannya. Salah satu strategi Kaum Muda adalah dengan memaparkan kesederhanaan dalam setiap aspek termasuk sidang pengarangnya dalam majalah *Pengasuh*. Dalam pada itu juga, Asaad Sukri lebih terbuka dalam memberi cadangan agar dipraktikkan oleh masyarakat Melayu dalam tulisannya,

"Tanamkan perasaan perhimpunan".

(Hanan dan Asaad Haji Muda 1930)

Kesatuan adalah salah satu idea yang dicadangkan oleh anggota Kaum Muda secara bersama terhadap aspek pembaharuan pendidikan. Sifat kebersamaan ini menjadi asas bagi Kaum Muda dalam menjalankan doktrin pembaharuan pendidikan di Kelantan. Pendidikan merupakan asas kesatuan yang mana Kaum Muda akan dapat merubah falsafah *feudalisme* dan fatalis secara konsisten melalui penjualan majalah *Pengasuh*. Kekeliruan yang terdapat dalam kalangan intelektual inilah yang menyebabkan salah tafsir mengenai agama, pendidikan dan sosial. Penekanan kepada konsep kesatuan ini adalah selaras dengan tanggungjawab sebagai seorang umat Islam dan hamba kepada Tuhan, Kaum Muda mengambil tugas ini bagi memurnikan kembali apa yang telah diajarkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Pada ketika itu, seluruh dunia terutamanya masyarakat Melayu terkesan dengan kemelesetan ekonomi (Hamilton 1987). Oleh kerana itulah, Kaum Muda menganjurkan sifat kebersamaan antara satu sama lain yang menjadi tujuan asal mengapa perlunya konsep ad-din (الدين) (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2020) ini dan diamalkan sepenuhnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, pada hemat Kaum Muda untuk menjalankan tanggungjawab mereka dalam menjelaskan tujuan utama murid-murid ke sekolah bahawa tidak semestinya perlu bekerja makan gaji dengan kerajaan. Malah pada usia muda seharusnya dikembangkan lagi kemahiran atau membangunkan masyarakat Melayu ke arah yang

lebih baik dengan kelebihan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang telah mereka pelajari.

Asaad Sukri bijak meneliti apa yang perlu dilaksanakan bagi murid-murid di Kelantan. Pandangan ini bagi memberikan bimbingan kepada murid-murid yang baharu tamat pelajaran dan selebihnya diberikan juga latihan dalam cadangan Asaad Sukri untuk melatih dalam suatu tempoh dan diberikan pekerjaan yang sesuai mengikut kecenderungan minat masing-masing. Sekiranya perkara ini diwartakan dalam arahan kementerian pendidikan pada ketika itu, sudah pasti tidak berlakunya masalah tercicir sebaik sahaja menamatkan pelajaran. Hal ini lebih baik daripada meneruskan pekerjaan tradisi ibu bapa mereka yang sememangnya tidak akan dapat memajukan bangsa Melayu walaupun diberikan pendidikan yang sempurna bagi akal dan fikirannya. Perkara ini juga ditekankan oleh kesemua anggota Kaum Muda di Kelantan bahawa perkara ini amat berkait dengan konsep kesatuan.

Doktrin pembaharuan dalam pendidikan ini cuba dibentuk oleh Kaum Muda bagi menyelaraskan satu fahaman baharu mengenai penelitian daripada pemerhatian dan tidak bersandarkan kepada ingatan dan kepercayaan lama. Pendidikan ini adalah satu jalan selamat bagi masyarakat Melayu dan tidak seharusnya lagi diletakkan dalam fahaman elit feudalisme. Kaum Muda sememangnya mengetahui matlamat utama pendidikan yang diperkenalkan oleh British. Oleh yang demikian pendidikan adalah susur galur kepada anak-anak negeri Kelantan yang sedang giat dalam mencari identiti sebagai seorang Melayu (Hanun dan Asaad Haji Muda 1930).

Lintasan fikiran Kaum Muda ini bagi menjernihkan fikiran masyarakat Melayu bahawa pendidikan pada ketika itu tidaklah seharusnya dijadikan sebagai kerjaya bersama dengan hanya menjadi orang gaji kerajaan. Oleh kerana makna makan gaji kerajaan ini seumpama sama seperti menjadi kader di bawah arahan kapitalis British. Pada ketika itu, kemelesetan ekonomi ini menjadi pendorong kepada masyarakat Melayu untuk mengambil jalan pintas dalam merubah mobiliti sosial, walaupun mobiliti sosial ini hanyalah untuk kepentingan diri sendiri dan sebaliknya berpaling tada, namun ada yang cuba menambahkan jangka hayat bersama British sebagai orang gaji kerajaan.

Pada hemat sidang pengarang majalah *Pengasuh*, pendidikan haruslah bebas diselia dan difahami oleh masyarakat Melayu kerana pendidikan ini kebanyakannya lebih menyesuaikan

dengan persekitaran geografi Tanah Melayu (Patriot 1919). Walaupun kebanyakan sekolah Melayu menumpukan kepada sekolah pertanian namun apa yang dilihat oleh sidang pengarang majalah *Pengasuh* adalah mengenai kesesuaian masyarakat Melayu dan tidak bergantung kepada satu jenis persekolahan sahaja seperti sekolah tanaman di Serdang, Selangor (Hassan Isa 1930). Keadaan inilah yang cuba difahamkan oleh Kaum Muda kepada masyarakat Melayu bahawa pendidikan ini mempunyai kepentingan yang begitu tinggi terhadap pembangunan masyarakat Melayu. Walaupun Kaum Muda memperjuangkan pembaharuan pendidikan namun tidak menggalakkan masyarakat Melayu bekerja dengan kerajaan sebaliknya bebas dan berdikari dengan ilmu pengetahuan dan dapat membentuk satu pemikiran anti-kolonial terhadap masyarakat Melayu di Kelantan selain dapat memajukan negeri Kelantan ke arah yang lebih baik.

Kepercayaan yang tinggi diletakkan oleh Kaum Muda bahawa pendidikan adalah simbol penyatuan masyarakat Melayu dan ini memberikan satu naratif yang berbeza bagi Kaum Muda di Kelantan. Pendidikan, sekiranya pada fikiran masyarakat Melayu untuk makan gaji dengan kerajaan British, hal ini sama sahaja menjadi orang suruhan abadi kepada mereka. Abdul Kadir Adabi beranggapan bahawa anak-anak negeri Melayu sudah memahami dan cepat belajar sekiranya dibentuk dengan pemikiran anti-kolonial. Abdul Kadir Adabi jelas mempunyai identiti dan wawasan yang tinggi pada perkara pendidikan di Kelantan. Pembaharuan pendidikan ini merangkumi juga bentuk pemikiran yang cuba didoktrinkan dalam anak-anak negeri Melayu Kelantan supaya meneliti dan memahami perkara berkenaan sosial Melayu yang telah ditindas oleh British.

Kaum Muda meletakkan harapan yang besar dalam pembaharuan pendidikan kerana masyarakat tidak diatur secara unik oleh fantasi-fantasi (Carr 2014). Persoalan fantasi ini jelas dapat diperlihatkan dengan pemahaman masyarakat Melayu sebagai pendukung *fatalis* dan *feudalisme*, perkara ini amat bertentangan dengan lahiriah sebagai seorang Islam yang berkehendakkan mereka untuk berkerja dan mencari ilmu pengetahuan (Syed Syeikh al-Hadi 2017). Penjelasan daripada Carr ini ingin menyatakan tentang konsep pemikiran dan perilaku manusia yang sentiasa berada dalam ruang lingkup selesa tanpa meletakkan asas kepada kenapa dan

mengapa sesuatu keadaan dan perilaku manusia sentiasa berubah-ubah. Maka oleh sebab inilah, perilaku manusia ini sentiasa berubah mengikut ruang dan waktu. Oleh kerana itu Kaum Muda lebih gemar berfikir untuk menyatukan masyarakat Melayu dalam satu unit yang boleh dikawal dan dibentuk secara berterusan iaitu dalam bentuk pendidikan.

Kuasa pendidikan lebih besar impaknya daripada kuasa politik kerana idea-idea pembaharuan ini sememangnya dibentuk daripada aliran sekolah. Sekiranya sekolah mengehadkan aliran idea maka bentuk pemikiran masyarakat Melayu akan berada pada tahap yang sama serta tiada logik yang dapat diselesaikan jika terdapat sebarang permasalahan. Ilmu bergerak maju secara terus ke arah bentuk keberagaman dan kompleksiti (Carr 2014). Perkembangan sosial mendorong murid-murid untuk lebih memajukan diri mereka sendiri dan perkembangan ini didorong juga dengan pergerakan Kaum Muda yang membimbing serta menentukan hala tuju murid-murid bagi peringkat awal. Hubung kait antara ilmu pengetahuan dengan keadaan sosial ini penting kerana pendidikan adalah rangkaian yang terelakkan dan menjadi satu sintesis (Carr 2014) bagi setiap perubahan yang berlaku sama ada dalam pemikiran mahu pun tindakan bagi masyarakat Melayu.

Pandangan Kaum Muda terhadap idea pembaharuan pendidikan buat guru juga cuba diterjemahkan oleh Abdul Kadir Adabi dalam merubah tujuan asal murid ke sekolah. Idea adalah abstrak dan perlu dijelaskan pada subjeknya iaitu murid sekolah, oleh hal demikian, Abdul Kadir Adabi mengambil contoh masyarakat Cina menerapkan doktrin pemikiran pada peringkat sekolah lagi. Tentulah doktrin ini dapat dibentuk kerana mereka telah dilatih supaya untuk bekerjasama antara satu sama lain.

“orang China mengasuh anak-anak pada persekolahan”
(Abu Mansur 1930)

Pemupukan semangat kesatuan sememangnya adalah atas perjuangan Kaum Muda, sama rata sama rasa juga adalah prinsip kesatuan yang menyokong antara satu sama lain dengan mendoktrinkan bahawa pendidikan yang sebenar adalah kesatuan sosial. Tanpa pendidikan maka kebersamaan tidak dapat dijalankan. Desakan ekonomi memaksa murid-murid untuk belajar, sekiranya idea kesatuan dahulu diterapkan kepada

murid-murid sekolah maka kebersamaan dapat dijalankan secara serentak. Pendidikan adalah punca pengetahuan yang bersifat logik dan rasional (Carr 2014), dengan keterbatasan ini, Abdul Kadir Adabi mengambil pendekatan kaedah daripada penjelasan yang berpanjangan yang bersifat abstrak. Abdul Kadir Adabi lebih gemar mencari penyebab kepada jalan penyelesaian supaya setiap ideanya dapat diterima pakai sebagaimana dengan setiap cadangan yang dikemukakan oleh Kaum Muda dalam majalah *Pengasuh*.

EMASIPASI WANITA

Penerapan kuasa dalam bentuk identiti ini sememangnya menjadi teras utama Kaum Muda dalam pembaharuan pendidikan. Walau bagaimanapun, sebaik-baik pemikiran yang ingin dibentuk terlebih dahulu adalah guru, sekiranya sesuatu doktrin baharu ingin dilaksanakan, maka pelaksanaannya ini perlu dan diterapkan semangat kebangsaan dalam amalan kebiasaan sosial masyarakat Melayu dengan memupuk semangat bekerjasama antara satu sama lain. Masyarakat Cina jika di sekolah disatukan melalui nyanyian lagu kebangsaan mereka, namun sebaliknya bagi masyarakat Melayu tidak dititipkan akan semangat nasionalisme dalam aspek pendidikan. Oleh kerana itulah, murid-murid sekolah ini lebih gemar melihat perspektif bekerja yang baik ini dengan menumpahkan taat setia kepada British yang akan memungkinkan kepada menjadi ahli baharu *Crown Colony*.

Dengan adanya institusi seperti Maahad Muhammadiyah al-Kelantaniah ini akan dapat memberikan suatu ruang kepada anak muda di seluruh negeri Kelantan agar terbuka dan mula memahami untuk melibatkan diri sebagai kader muda bagi menjayakan wawasan Kaum Muda yang dilihat sudah signifikan di negeri Kelantan. Maka dalam pemerhatian Dato' Seri Paduka Raja Kelantan bahawa Maahad Muhammadiyah ini merupakan suatu kejayaan awal dalam mendokumentasikan pementasan tentera-tentera muda di bawah naungan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK).

“maka dengan kerana kamu jadilah contoh kemegahan”
(Dato' Seri Paduka Raja Kelantan 1918)

Hasil daripada idea awal Tok Kenali bersama intelektual yang lain iaitu Dato Seri Paduka Raja

Kelantan, Haji Muhammad bin Khatib dan Haji Muhammad bin Said yang merupakan pengasas kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 24 Disember 1915. Maka setelah beberapa tahun selepas penubuhannya telah memberikan impak yang besar kepada penerimaan masyarakat Melayu terhadap pembaharuan pendidikan di Kelantan. Kejayaan ini merupakan satu penanda aras bagi penerimaan masyarakat Melayu dalam pendidikan. Kaum Muda menginginkan sebuah *coleseum* bagi memurnikan agama Islam kembali. Bagi hemat Kaum Muda, gelaran bagi negeri Kelantan dengan gelaran serambi Mekah ini adalah satu permulaan pada ketika itu. Namun usaha secara berterusan dilakukan juga oleh Kaum Muda melalui majalah *Pengasuh* sebagai medium utama dalam melaksanakan pembaharuan dalam pendidikan. Perbandingan yang dimaksudkan oleh Dato' Seri Paduka Raja Kelantan ini pada tahun 1838, semasa pemerintahan Sultan Muhammad II (Mohd Zuhdi Abdul Majid et al. 2012) sudah sedia ada institusi keagamaan, namun tidaklah diselia dalam suatu badan yang khusus kerana pada ketika itu kurangnya pengetahuan daripada luar negeri mengenai pengurusan institusi keagamaan dan sistem percetakan yang melibatkan majalah atau akhbar belum lagi diterbitkan di negeri Kelantan (Mohd Safar Hashim 2012). Jadi analogi inilah yang cuba digambarkan oleh Dato' Seri Paduka Raja Kelantan mengenai perkembangan pendidikan yang telah dilakukan oleh Kaum Muda.

Hal ini memberikan kelebihan kepada Kaum Muda untuk merekrut seberapa ramai ahli baru untuk didedahkan dengan pendidikan yang bersifat *“duo-functional education”*. Pendekatan pendidikan di Kelantan lebih mengutamakan kepada ilmu kemanusiaan, sains dan pendekatan subjek agama sebagai teras untuk mendidik anak-anak Melayu Kelantan (Hassan Isa 1930). Kaum Muda mempunyai pendirian yang besar terhadap pendidikan di Kelantan. Justeru itu, pendidikan difokuskan secara menyeluruh tanpa mengira jantina dan latar belakang sosial. Kehendak Kaum Muda ingin menyebarkan pendidikan ke seluruh Kelantan dengan mengadakan satu sekolah bagi perempuan di Kelantan. Kaum Muda melalui majalah *Pengasuh* menyatakan rasa syukur apabila ada sambutan terhadap idea mereka pada hasrat ingin menuju sebuah sekolah kelak. Pendidikan ini juga melibatkan penekanan kepada emansipasi wanita dalam memberikan kesamarataan sosial. Pendekatan ini bersesuaian

dengan aturan agama Islam yang mengkehendakkan kebebasan beriktikad bagi umat Islam (Pa 1930).

Tuntutan ini bagi memenuhi keperluan emansipasi wanita dalam pendidikan. Kaum Muda menggunakan pendekatan kuasa pendidikan bagi menyediakan jalan selamat kepada wanita. Selaras dengan tujuan Kaum Muda yang fleksibel dan seimbang, maka wajaran ini juga menjadi asas perjuangan bagi Kaum Muda seperti dalam firman Tuhan dalam surah al-Baiyinah yang bererti

“Iaitu seorang Rasul dari Allah yang membacakan (kepada mereka) lembaran-lembaran suci, terkandung di dalamnya pelajaran-pelajaran dan hukum-hukum yang benar.”

(Surah Al-Baiyinah 98)

Bersesuaian dengan kehendak agama Islam, walaupun dalam setiap hujahan Kaum Muda tidak diselitkan beberapa ayat al-quran secara khusus akan tetapi maksudnya ada diterjemahkan dalam setiap tulisan Kaum Muda. Tiga perkara yang dituntut ini adalah kebanyakannya melibatkan fasiliti asas sekolah, permintaan pendidikan bagi wanita dan mata pelajaran yang bersesuaian perlu diajarkan kepada golongan wanita. Sudah sedia maklum bahawa falsafah sempit masih lagi diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu (Talib Samat 1992), fahaman fatalis juga mendorong masyarakat Melayu tidak membenarkan wanita untuk merubah keadaan sosial ini. Walau bagaimanapun Kaum Muda beranggapan fahaman ini akan melambatkan proses pembaharuan dalam pendidikan, pembaharuan ini melibatkan kerjasama antara semua masyarakat Melayu terutama ibu bapa. Segelintir masyarakat Melayu masih lagi mempertahankan bahawa pendidikan wajib diberikan kepada lelaki terlebih dahulu sebelum dibangunkan sekolah perempuan (Pa 1930).

Hal ini mendorongnya bersama Kaum Muda memajukan sebuah tapak asas di Kota Bharu sebagai percubaan awal untuk mengetahui penerimaan golongan wanita terhadap pendidikan. Pemilihan tapak asas Kota Bharu ini sesuai dibangunkan kerana kebanyakan daripada pembaharuan yang dijalankan banyak dilakukan di sana. Dalam masa yang sama, Kaum Muda dan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan (MAIK) dapat melakukan pemantauan secara berkala sekiranya sekolah perempuan ditubuhkan di Kota Bharu. Inilah jaminan Kaum Muda janjikan kerana perspektif

wanita di Kota Bharu lebih cenderung untuk menghadiri sekolah kerana jarak dan kedudukan sekolah yang dekat akan mempengaruhi pemikiran mereka untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Perjuangan yang dilakukan oleh Kaum Muda kepada golongan wanita ini adalah dengan membebaskan mereka daripada doktrin pemikiran yang bersifat feudalis dan merubah cara tradisi pemikiran masyarakat Melayu dengan memberikan status dan hak yang sama rata seperti yang ditegaskan daripada konsep ad-din. Maka kesedaran emansipasi wanita dalam pendidikan dapat memberikan satu bentuk pemikiran yang lebih progresif tanpa melibatkan persoalan hak dan kemanusiaan.

KESIMPULAN

Pembaharuan pendidikan di Kelantan adalah salah satu usaha yang cuba diketengahkan oleh Kaum Muda kepada masyarakat Melayu Kelantan. Pendidikan ini umumnya melibatkan soal jati diri, maruah dan identiti sebagai seorang Melayu. Maka Kaum Muda tidak menginginkan anak-anak muda negeri Kelantan turut merubah falsafah pendidikan mereka semata-mata mahu menjadi “hamba kerajaan” kepada British. Pendidikan adalah satu propaganda yang paling berkesan sekiranya diterapkan pada setiap peringkat akar umbi, namun peranan kerajaan juga menjadikan pendidikan adalah satu alat yang boleh digunakan untuk membangunkan generasi yang berintelektual serta mampu menyaingi kaum lain di Tanah Melayu khususnya di Kelantan. Oleh sebab itulah, Kaum Muda melihat bahawa majalah *Pengasuh* adalah salah satu medium terbaik bagi mereformasikan pendidikan yang bersifat umum serta mampu memberikan hasil secara sama rata melalui pendidikan yang diperoleh. Kaum Muda sesekali tidak menafikan keberadaan pendidikan yang disediakan oleh Inggeris namun mereka lebih gemar mengkritik terhadap dasar dan pelaksanaannya yang bersifat berat sebelah kepada masyarakat Melayu sama ada fasiliti atau peruntukannya kepada sekolah aliran Melayu. Sekiranya kesedaran sedemikian tidak dibawa masuk dan diedarkan melalui majalah *Pengasuh* maka kesedaran terhadap kepentingan Melayu tidak akan menjadi perkara utama tuntutan mereka kepada sultan. Setiap anggota Kaum Muda di Kelantan mempunyai kepakaran dalam bidang yang diceburi, maka kelebihan inilah digunakan

oleh Kaum Muda sebagai suatu strategi utama dalam menyebarkan suasana dan perkembangan semasa Islam mengikut kesesuaian isu yang berlaku. Kebijaksanaan Kaum Muda dalam membentuk idea mengenai kemanusiaan banyak disalurkan melalui penulisan majalah *Pengasuh* yang mampu merubah naratif pemikiran masyarakat Melayu.

Penerapan idea *humanisme* dalam setiap perbuatan dan tulisan yang dilakukan oleh Kaum Muda lebih bersifat progresif. Pemerhatian secara berfokus dalam aspek keagamaan dan pendidikan membolehkan Kaum Muda mengasimilasikan setiap fenomena atau amalan tradisi pada sisi sosial masyarakat Melayu mampu diterjemahkan dalam penulisannya melalui majalah Pengasuh. Majalah Pengasuh cukup sinonim dengan masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Sebab utama majalah diterbitkan adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat Melayu dalam memupuk amalan membaca selain saranan 3M daripada kerajaan British semasa pengenalan sistem pendidikan.

Perjuangan Kaum Muda dilihat begitu memberi nilai tambah dalam idea *humanisme* baik dalam akhlak dan sosial. Keberadaan idea *humanisme* tidaklah begitu popular pada zamannya, namun pegangan kuat ideanya bersama agama Islam memberi satu perspektif yang lebih jelas bahawa setiap perbuatan itu disusuli bersama dengan akhlak yang baik. Kaum Muda lebih gemar memikirkan hal-hal yang dirasakan penting baginya walaupun tidak kepada masyarakat Melayu, penelitian seperti makna Melayu dan agama Islam menjadi satu persoalan asas untuknya dalam memahami leluhur sebenar masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Al-Quran*
- Abdul Aziz Mat Ton. 2001. *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Mansur. 1930. Bagi pemandangan guru. *Pengasuh*: 10-11.
- Carr, E.H. 2014. *Apa itu Sejarah*. Indonesia: Komunitas Bambu.
- Dato' Seri Paduka Raja Kelantan. 1918. Pengasuh. *Ucapan*. Julai : 1-2.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2020. Memelihara kesucian agama Islam. *Harian Metro*, 20 Ogos.
- Hamilton, J.D. 1987. Monetary factors in the Great Depression. *Journal of Monetary Economics* 19(2): 145-169.
- Hanan, Asaad Haji Muda. 1930. Apakah Tujuan murid-murid sekolah. *Pengasuh* Ogos: 8-9.
- Hassan Isa. 1930. Buku Kenyataan Sekolah Pertanaman Semenanjung. *Pengasuh*. September: 10-11.
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim. 2012. *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohd. Safer Hashim. 2012. *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia sejak 1806*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Yusuf Kenali. 1918. Kemajuan Bangsa Melayu. *Pengasuh*. Disember :1-2.
- Muhamad bin Ismail, Naib Yang di-Pertua Majlis Yang Kehormat. 1918. Pembukaan tahun yang Pertama. *Pengasuh* : 1-2.
- Muhamad Yusuf Kenali. 1918. Nasihat. *Pengasuh*. Ogos : 1-4.
- Pa. 1930. Sekolah Perempuan di Kelantan. *Pengasuh*. September : 12-13.
- Swettenham, F.A. 1895. *Malay Sketches*. John Lane: Silverfish Malaysian Classics.
- Siti Rodziyah Nyan. 2009. *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. 1992. *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mohamad Firdaus Mohamad

Calon sarjana

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
Emel: Firdausmohamadd97@gmail.com

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Ph.D

Profesor

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak

Emel: drkuzaki@unisza.edu.my

Ruhaizan Sulaiman @Abdul Rahim, Ph.D

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak

Emel: ruhaizan@unisza.edu.my